



# JABATAN KERAJAAN TEMPATAN KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

## KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada Kontraktor-Kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dalam gred, kategori, dan pengkhususan yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut :-

Pejabat yang Memanggil Tawaran	Tajuk Projek	Taraf/Jenis Syarikat*	Gred, Kategori & Pengkhususan/Kelas, Tajuk & Tajuk Kecil/Kelas, Kepala & Sub Kepala	Tempat dan Tarikh dokumen Mulai Dijual	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tutup Tender
Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	Menaik Taraf Pasar Taiping, Perak  <b>No. Tender: X43520101200003</b>	Bumiputera/T1	<ul style="list-style-type: none"><li>Berdaftar dengan CIDB Gred G6</li><li>Kategori B &amp; CE</li><li>Pengkhususan B03 &amp; CE21</li></ul>	Bahagian Khidmat Pengurusan Jabatan Kerajaan Tempatan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Aras 29, No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4 62100 Putrajaya  <ul style="list-style-type: none"><li><b>Pada 28 Ogos 2020 (Jumaat) hingga 11 September 2020 (Jumaat)</b></li><li><b>(9.00 Pagi – 4.00 Petang)</b></li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>Harga Dokumen  <b>RM 500</b></li><li>Bayaran Kepada:  <b>Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan</b></li></ul>	Bahagian Pembangunan Jabatan Kerajaan Tempatan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Aras 28, No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4 62100 Putrajaya  <ul style="list-style-type: none"><li><b>Pada: 18 september 2020 (Jumaat)</b></li><li><b>Jam: Sebelum 12.00 Tengah hari</b></li></ul>

Taklimat Projek dan Lawatan Tapak adalah **DIWAJIBKAN**  
Berkumpul di Dewan Majlis Perbandaran Taiping, Jalan Taming Sari, 34000 Taiping, Perak pada **27 Ogos 2020 (Khamis) dan jam 10.00 pagi (sesi pendaftaran bermula pada jam 8.00 hingga 10.00 pagi)**.

Kontraktor yang sah hendaklah sentiasa mengambil perhatian dan mematuhi langkah-langkah pencegahan COVID-19 dan penjarakan fizikal oleh MKN dan KKM

Hanya penama yang tercatat di dalam sijil PPK dan SPKK, yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat berkenaan. Kontraktor/syarikat tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam PPK dan SPKK.

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat-pejabat berkenaan semasa waktu pejabat.

Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank/kiriman wang/wang pos di atas nama **Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan**. Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, Wakil Kontraktor dikehendaki membawa perakuan/sijil **ASAL** Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta Sijil Taraf Bumiputera yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Usahawan (jika berkenaan) beserta satu salinan Sijil-sijil tersebut.

- \* Jenis Pendaftaran Tempatan : T1 - Syarikat tempatan yang 100% milik warganegara tempatan
- A1 - Syarikat tempatan yang mempunyai pegangan ekuiti sekurang-kurangnya 70% milik warganegara tempatan; **ATAU** Syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia, iaitu syarikat-syarikat yang ditubuhkan dan diperbadankan di Malaysia oleh warganegara dengan syarat pegangan ekuiti asing tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja dianggotai 100% warganegara tempatan
  - A2 - Syarikat tempatan yang mempunyai pegangan ekuiti sekurang-kurangnya 70% milik warganegara tempatan; **ATAU** Syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia; **ATAU** Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia (tidak kira sama ada disenaraikan di Bursa Malaysia ataupun tidak) dengan syarat pegangan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja adalah warganegara tempatan